



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN  
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BAGI SESI PERSEKOLAHAN PENGGAL 3, 2021/2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada kenyataan media bertarikh 24 Disember 2021 berkaitan Sesi Persekolahan Penggal 3, 2021/2022. Sehubungan dengan itu, KPM ingin memaklumkan bahawa pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM seluruh negara bagi Penggal 3, 2021/2022 adalah seperti berikut:

**(i) Sekolah Rendah**

Murid berkeperluan khas (MBK) di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tahun 6 serta semua murid bawah program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) hadir secara bersemuka tanpa penggiliran. Murid Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 pula hadir secara penggiliran. Semua ketetapan ini terpakai kepada murid sekolah swasta dan antarabangsa yang setara dengan sekolah rendah KPM. Ringkasan adalah seperti di **Jadual 1**.

## (ii) Sekolah Menengah

MBK di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMKPK), Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan PPKI hadir secara bersemuka tanpa penggiliran.

Murid kelas peralihan, Tingkatan 4, Tingkatan 5, Tingkatan 6, prauniversiti, *International Baccalaureate Diploma Programme* (IBDP) serta kelas peperiksaan antarabangsa yang setara hadir secara bersemuka tanpa penggiliran sekiranya kadar vaksinasi lengkap dalam kalangan kumpulan murid tersebut di institusi berkenaan telah mencapai 90 peratus atau lebih. Pengoperasian institusi pendidikan yang belum mencapai kadar vaksinasi lengkap 90 peratus atau lebih kekal secara penggiliran.

KPM akan mengeluarkan senarai institusi yang belum mencapai kadar vaksinasi lengkap 90 peratus pada setiap hari Rabu. Mana-mana institusi pendidikan yang telah mencapai kadar vaksinasi lengkap 90 peratus akan dikeluarkan daripada senarai tersebut dan institusi boleh mula beroperasi pada hari Ahad/Isnin minggu berikutnya tanpa penggiliran.

Sementara itu, bagi murid Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 pula, kehadiran adalah secara penggiliran.

Semua ketetapan ini terpakai kepada murid sekolah swasta dan antarabangsa yang setara dengan sekolah menengah KPM. Ringkasan adalah seperti di **Jadual 2**.

### **(iii) Sekolah Enrolmen Kurang 300 Murid**

KPM juga telah menetapkan bahawa sekolah harian dan sekolah swasta, termasuk sekolah ekspatriat yang mempunyai enrolmen kurang daripada 300 murid beroperasi sepenuhnya dengan kehadiran secara bersemuka tanpa penggiliran.

Namun, bagi sekolah ekspatriat yang enrolmen melebihi 300 murid, permohonan boleh dikemukakan kepada KPM untuk beroperasi sepenuhnya. KPM akan membuat penilaian sebelum kelulusan diberikan. Ringkasan adalah seperti di **Jadual 3**.

### **(iv) Sekolah Berasrama Sepenuhnya**

Murid Tingkatan 4, Tingkatan 5, Tingkatan 6, prauniversiti, *IBDP* dan kelas peperiksaan antarabangsa yang setara hadir secara bersemuka tanpa penggiliran.

Murid Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 di sekolah berasrama sepenuhnya mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Ringkasan adalah seperti di **Jadual 4**.

### **(v) Kolej Vokasional, Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru**

Pengoperasian Kolej Vokasional bagi murid Sijil Vokasional Malaysia, Sijil Kemahiran Malaysia, Sistem Latihan Dual Nasional dan Diploma Vokasional Malaysia adalah secara bersemuka tanpa penggiliran mulai 9 Januari 2022.

Bagi pengoperasian kolej matrikulasi (KM), pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka bermula pada 9 Januari 2022 untuk Program Matrikulasi Sistem Dua Semester dan Program Matrikulasi Sistem Empat Semester.

Bagi Institut Pendidikan Guru (IPG) pula, semua program pengajian akan memulakan kuliah secara bersemuka mulai 6 Februari 2022, mengikut kalendar akademik yang sedang berkuat kuasa. Ringkasan adalah seperti di **Jadual 5, 6 dan 7**.

Murid KM dan IPG yang telah menerima vaksin lengkap sahaja dibenarkan kembali ke kolej/kampus, selaras dengan Garis Panduan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi 3.0.

### **Pakaian Seragam dan Kehadiran Murid ke Sekolah**

Murid dibenarkan memakai pakaian yang sesuai dan kemas serta sopan jika pakaian seragam yang ada tidak lagi sesuai dipakai.

Selain itu, sekiranya ibu bapa/penjaga memilih untuk tidak menghantar anak ke sekolah, ketidakhadiran tersebut tidak dianggap sebagai satu kesalahan disiplin. Namun, ibu bapa/penjaga perlu memaklumkan ketidakhadiran murid kepada pihak sekolah bagi tujuan rekod.

### **Institusi Pendidikan Terlibat Banjir**

KPM akan terus memantau dan mengemas kini senarai institusi pendidikan yang terkesan dengan banjir atau dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Maklumat lanjut mengenai

pengoperasian institusi terlibat akan dimaklumkan pada 3 Januari 2022, setelah mengambil kira kesediaan untuk beroperasi.

KPM juga menyarankan agar ketetapan pengoperasian pendidikan ini turut terpakai di semua institusi pendidikan yang tidak berdaftar dengan KPM.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**31 DISEMBER 2021**

**PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN  
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BAGI SESI PERSEKOLAHAN PENGGAL 3, 2021/2022**

**Jadual 1: Sekolah Rendah**

<b>Tanpa Penggiliran</b>	<b>Secara Penggiliran</b>
MBK (SKPK & PPKI)	Tahun 3
Prasekolah	Tahun 4
Tahun 1	Tahun 5
Tahun 2	
Tahun 6	
Semua Murid RMT	
Ketetapan terpakai kepada sekolah swasta dan antarabangsa yang setara dengan sekolah rendah KPM.	

**Jadual 2: Sekolah Menengah**

<b>Tanpa Penggiliran</b>	<b>Secara Penggiliran</b>
MBK (SMKPK, SMPKV & PPKI)	Tingkatan 1
Peralihan*	Tingkatan 2
Tingkatan 4*	Tingkatan 3
Tingkatan 5*	
Tingkatan 6*	
Prauniversiti*	
IBDP*	
Peperiksaan Antarabangsa Setara*	
*Institusi pendidikan yang belum mencapai kadar vaksinasi lengkap 90 peratus atau lebih kekal secara penggiliran	
Ketetapan terpakai kepada sekolah swasta dan antarabangsa yang setara dengan sekolah menengah KPM.	

**Jadual 3: Sekolah Enrolmen Kurang 300 Murid**

<b>Tanpa Penggiliran</b>
Sekolah harian dan sekolah swasta, termasuk sekolah ekspatriat* yang enrolmen kurang 300 murid hadir tanpa penggiliran.
* Sekolah ekspatriat dengan enrolmen melebihi 300 boleh mengemukakan permohonan kepada KPM untuk beroperasi sepenuhnya.

**Jadual 4: Sekolah Berasrama Sepenuhnya**

<b>Tanpa Penggiliran</b>	<b>PdPR</b>
Tingkatan 4	Tingkatan 1
Tingkatan 5	Tingkatan 2
Tingkatan 6	Tingkatan 3
Prauniversiti	
IBDP	
Peperiksaan Antarabangsa Setara	

Sekolah swasta berasrama sepenuhnya beroperasi secara bersemuka tanpa penggiliran.

**Jadual 5: Kolej Vokasional**

<b>Tanpa Penggiliran</b>
i) Sijil Vokasional Malaysia
ii) Sijil Kemahiran Malaysia
iii) Sistem Latihan Dual Nasional
iv) Diploma Vokasional Malaysia

### **Jadual 6: Kolej Matrikulasi**

<b>Tanpa Penggiliran</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>i) Sistem Empat Semester – Murid Semester II dan Semester IV</li><li>ii) Sistem Dua Semester – Murid Semester II</li></ul>

### **Jadual 7: Institut Pendidikan Guru**

<b>Tanpa Penggiliran</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>i) Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan</li><li>ii) Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan</li><li>iii) Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan</li><li>iv) Program Diploma Perguruan Malaysia</li><li>v) Program Intervensi Tambah Opsyen</li></ul>

**- TAMAT -**